



**PERJANJIAN
ANTARA
KERAJAAN REPUBLIK POLAND
DAN
KERAJAAN MALAYSIA
BAGI PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI DAN
PENCEGAHAN PELARIAN FISKAL MENGENAI
CUKAI ATAS PENDAPATAN**

**KERAJAAN REPUBLIK POLAND
DAN
KERAJAAN MALAYSIA**

BERHASRAT untuk membuat suatu Perjanjian bagi pengelakan pencukaian dua kali dan pencegahan pelarian fiskal mengenai cukai atas pendapatan, telah bersetuju seperti yang berikut:

PERKARA 1
ORANG YANG DILIPUTI

Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi orang yang merupakan pemastautin di satu atau kedua-dua Negara Pejanji.

PERKARA 2

CUKAI YANG DILIPUTI

1. Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi cukai atas pendapatan yang dikenakan bagi pihak suatu Negara Pejanji, tanpa mengira cara mana cukai atas pendapatan itu dilevikan.
2. Maka hendaklah dianggap sebagai cukai atas pendapatan semua cukai yang dikenakan atas jumlah pendapatan atau atas unsur pendapatan, termasuklah cukai atas laba daripada pemberian hakmilik harta alih atau tak alih, serta cukai atas naik nilai modal.
3. Cukai yang sedia ada yang merupakan subjek Perjanjian ini ialah:
 - (a) di Malaysia:
 - (i) cukai pendapatan; dan
 - (ii) cukai pendapatan petroleum;

(kemudian daripada ini disebut "cukai Malaysia");
 - (b) di Poland:
 - (i) cukai pendapatan individu; dan
 - (ii) cukai pendapatan korporat;

(kemudian daripada ini disebut "cukai Poland").
4. Perjanjian ini hendaklah juga terpakai bagi apa-apa cukai yang sama atau yang sebahagian besarnya serupa yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau menggantikan, cukai yang sedia ada. Pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji hendaklah memberitahu satu sama lain tentang apa-apa perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang pencukaian mereka.

PERKARA 3

TAKRIF AM

1. Bagi maksud Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:
 - (a) istilah "Malaysia" ertiannya wilayah Persekutuan Malaysia, perairan wilayah Malaysia serta dasar laut dan subtanah perairan wilayah itu, dan ruang udara di atas kawasan itu, dan termasuklah mana-mana kawasan yang melewati batasan perairan wilayah Malaysia, serta dasar laut dan subtanah mana-mana kawasan sedemikian, yang telah atau boleh kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut undang-undang antarabangsa sebagai suatu kawasan yang ke atasnya Malaysia mempunyai hak kedaulatan atau bidang kuasa bagi maksud menjelajah dan mengeksplorasi sumber asli, sama ada yang hidup atau tidak hidup;
 - (b) istilah "Poland" ertiinya Republik Poland, dan apabila digunakan dalam maksud geografi, ertiinya wilayah Republik Poland, dan mana-mana kawasan yang berdampingan dengan perairan wilayah Republik Poland yang mana, di bawah undang-undang Poland dan mengikut undang-undang antarabangsa, hak Poland berhubung dengan penjelajahan dan eksplorasi sumber semula jadi dasar laut dan subtaninya boleh dilaksanakan;
 - (c) istilah "suatu Negara Pejanji" dan "Negara Pejanji yang satu lagi" ertiinya Poland atau Malaysia, sebagaimana yang konteksnya menghendaki;
 - (d) istilah "orang" termasuklah seseorang individu, sesuatu syarikat dan mana-mana kumpulan orang lain;
 - (e) istilah "syarikat" ertiinya mana-mana pertubuhan perbadanan atau apa-apa entiti yang dianggap sebagai suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud cukai;
 - (f) istilah "perusahaan suatu Negara Pejanji" dan "perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi" masing-masing ertiinya suatu perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dan suatu perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi;
 - (g) istilah "rakyat" ertiaya:
 - (i) mana-mana individu yang memiliki kewarganegaraan suatu Negara Pejanji;
 - (ii) mana-mana orang di sisi undang-undang, perkongsian atau persatuan yang memperoleh tarafnya sedemikian daripada undang-undang yang berkuat kuasa di suatu Negara Pejanji;

(h) istilah "lalu lintas antarabangsa" ertinya apa-apa pengangkutan dengan kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh perusahaan suatu Negara Pejanji, kecuali apabila kapal atau pesawat udara itu dikendalikan semata-mata antara tempat-tempat dalam Negara Pejanji yang satu lagi;

(i) istilah "pihak berkuasa berwibawa" ertinya:

(i) dalam hal Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa.

dan

(ii) dalam hal Poland, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa;

2. Berkenaan dengan pemakaian Perjanjian ini pada bila-bila masa oleh suatu Negara Pejanji, mana-mana istilah yang tidak ditakrifkan di dalamnya hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang dipunyainya pada masa itu di bawah undang-undang Negara itu bagi maksud cukai yang baginya Perjanjian ini terpakai, apa-apa erti di bawah undang-undang cukai yang terpakai bagi Negara itu mengatasi erti yang diberikan kepada istilah itu di bawah undang-undang lain Negara itu.

PERKARA 4

PEMASTAUTIN

1. Bagi maksud Perjanjian ini, istilah "pemastautin suatu Negara Pejanji" ertiannya mana-mana orang yang, di bawah undang-undang Negara itu, boleh dikenakan cukai di dalamnya oleh sebab domisilnya, tempat tinggalnya, tempat pengurusannya atau mana-mana kriteria lain yang serupa sifatnya, dan juga termasuk Negara itu, mana-mana pecahan bahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya. Istilah ini, walau bagaimanapun, tidak termasuk mana-mana orang yang dikenakan cukai di Negara itu hanya yang berkenaan dengan pendapatan daripada sumber di Negara itu.
2. Jika disebabkan oleh peruntukan perenggan 1 seseorang individu adalah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka tarafnya hendaklah ditentukan seperti yang berikut:
 - (a) dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin hanya bagi Negara yang di dalamnya dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya; jika dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya di kedua-dua Negara, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin cuma di Negara yang dengannya hubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan utama);
 - (b) jika Negara yang di dalamnya dia mempunyai pusat kepentingan utama tidak dapat ditentukan, atau jika dia tidak mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya di salah satu Negara, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin hanya bagi Negara yang di dalamnya dia mempunyai tempat tinggal yang lazim;
 - (c) jika dia mempunyai atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin hanya bagi Negara di mana yang dia adalah seorang rakyat;
 - (d) jika dia adalah rakyat kedua-dua Negara atau bukan rakyat kedua-dua nya, pihak berkuasa berwibawa Negara-Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan persoalan itu melalui persetujuan bersama.
3. Jika disebabkan oleh peruntukan perenggan 1 seseorang selain daripada seorang individu ialah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka orang itu hendaklah disifatkan sebagai pemastautin hanya bagi Negara yang di dalamnya tempat pengurusan berkesannya berada.

PERKARA 5

ESTABLISMEN TETAP

1. Bagi maksud Perjanjian ini, istilah "establismen tetap" ertiya suatu tempat perniagaan tetap yang melaluinya perniagaan sesuatu perusahaan dijalankan secara keseluruhan atau sebahagiannya.
2. Istilah "establismen tetap" termasuklah khususnya:
 - (a) suatu tempat pengurusan;
 - (b) suatu cawangan;
 - (c) suatu pejabat;
 - (d) suatu kilang;
 - (e) suatu bengkel; dan
 - (f) suatu lombong, suatu telaga minyak atau gas, suatu kuari atau mana-mana tempat pengeluaran sumber asli yang lain.
3. Suatu tapak bangunan, suatu pembinaan, projek pemasangan atau pepasangan merupakan suatu establismen tetap hanya jika ia kekal lebih daripada enam bulan.
4. Walau apa pun peruntukan terdahulu Perkara ini, istilah "establismen tetap" hendaklah disifatkan tidak termasuk:
 - (a) penggunaan kemudahan semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penyerahan barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu;
 - (b) penyenggaraan suatu stok barang atau dagangan kepunyaan perusahaan semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penyerahan;
 - (c) penyenggaraan stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud pemprosesan oleh perusahaan yang lain;
 - (d) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud pembelian barang atau dagangan, atau pengumpulan maklumat, bagi perusahaan itu;
 - (e) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud menjalankan, bagi perusahaan itu, apa-apa aktiviti lain yang bersifat persediaan atau tambahan;

- (f) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi mana-mana gabungan aktiviti yang disebut dalam subperenggan (a) hingga (e), dengan syarat bahawa keseluruhan tempat perniagaan yang tetap itu terhasil daripada gabungan ini adalah bersifat persediaan atau tambahan.
5. Walau apa pun peruntukan perenggan 1 dan 2, jika seseorang – selain daripada seorang ejen bertaraf bebas yang baginya perenggan 6 terpakai – bertindak bagi pihak suatu perusahaan dan mempunyai, dan lazimnya menjalankan, di Negara Pejanji suatu kuasa untuk membuat kontrak atas nama perusahaan itu, perusahaan itu hendaklah disifatkan mempunyai suatu establismen tetap di Negara itu berkenaan dengan apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh orang itu bagi perusahaan itu, melainkan jika aktiviti orang itu terhad kepada aktiviti yang disebut dalam perenggan 4 yang, jika dijalankan melalui suatu tempat perniagaan yang tetap, tidak akan menjadikan tempat perniagaan tetap ini suatu establismen tetap di bawah peruntukan perenggan itu.
 6. Sesuatu perusahaan tidak boleh disifatkan mempunyai suatu establismen tetap di suatu Negara Pejanji hanya kerana perusahaan itu menjalankan perniagaan di Negara itu melalui broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, dengan syarat bahawa orang itu bertindak dalam perjalanan biasa perniagaan mereka.
 7. Hakikat bahawa suatu syarikat yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat yang merupakan pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, atau yang menjalankan perniagaan di Negara yang satu lagi itu (sama ada melalui suatu establismen tetap atau sebaliknya), tidaklah dengan sendirinya menjadikan mana-mana satu syarikat itu suatu establismen tetap syarikat yang satu lagi.

PERKARA 6

PENDAPATAN DARIPADA HARTA TAK ALIH

1. Pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji daripada harta tak alih (termasuk pendapatan daripada pertanian atau perhutanan) yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Istilah "harta tak alih" hendaklah mempunyai erti yang dipunyainya di bawah undang-undang Negara Pejanji yang di dalamnya harta yang dimaksudkan terletak. Istilah itu hendaklah dalam apa-apa hal termasuk harta tambahan kepada harta tak alih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan perhutanan, hak yang baginya peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah terpakai, usufruk harta tak alih dan hak kepada pembayaran berubah atau tetap sebagai balasan bagi mengerjakan, atau hak untuk mengerjakan, mendapan mineral, sumber dan sumber asli yang lain; kapal, bot dan pesawat udara tidaklah boleh dianggap sebagai harta tak alih.
3. Peruntukan perenggan 1 hendaklah terpakai bagi pendapatan yang diperoleh daripada penggunaan langsung, penyewaan, atau penggunaan dalam apa-apa bentuk lain harta tak alih.
4. Peruntukan perenggan 1 dan 3 hendaklah juga terpakai bagi pendapatan daripada harta tak alih suatu perusahaan dan bagi pendapatan daripada harta tak alih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan persendirian bebas.

PERKARA 7

KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Keuntungan suatu perusahaan Negara Pejanji hendaklah boleh dikenakan cukai hanya di Negara itu melainkan jika perusahaan itu menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya. Jika perusahaan itu menjalankan perniagaan sebagaimana yang disebut terdahulu, keuntungan perusahaan itu boleh dicukai di Negara yang satu lagi tetapi hanya sekian banyak daripada keuntungannya yang boleh dikaitkan dengan establismen tetap itu.
2. Tertakluk kepada peruntukan perenggan 3, jika sesuatu perusahaan Negara Pejanji menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah di setiap Negara Pejanji yang dikaitkan dengan establismen tetap itu keuntungan yang mungkin dijangkakan dapat dibuat olehnya jika perusahaan itu ialah suatu perusahaan yang berlainan dan berasingan yang terlibat dalam aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan yang sama atau serupa dan yang berurusan dengan bebas sepenuhnya dengan perusahaan yang baginya ia merupakan establismen tetap.
3. Dalam menentukan keuntungan suatu establismen tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan perbelanjaan yang dilakukan bagi maksud establismen tetap itu, termasuk perbelanjaan pentadbiran eksekutif dan am yang dilakukan sedemikian, sama ada di Negara yang mana establismen tetap itu terletak atau di tempat lain.
4. Dalam ketiadaan maklumat berkaitan bagi membenarkan penentuan keuntungan yang hendak dikaitkan dengan establismen tetap suatu perusahaan, cukai boleh ditaksir di Negara Pejanji yang di dalamnya establismen tetap terletak mengikut undang-undang Negara itu dengan membuat suatu anggaran berdasarkan maklumat yang sedia ada, setakat yang dibenarkan dengan maklumat yang sedia ada, mengikut prinsip dalam Perkara ini.
5. Tiada keuntungan boleh dikaitkan dengan suatu establismen tetap semata-mata kerana establismen tetap itu membeli barang atau dagangan bagi perusahaan itu.
6. Bagi maksud perenggan yang terdahulu, keuntungan yang hendak dikaitkan dengan establismen tetap itu hendaklah ditentukan melalui kaedah yang sama dari tahun ke tahun melainkan jika terdapat sebab yang baik dan mencukupi untuk melakukan sebaliknya.
7. Jika keuntungan termasuk butiran pendapatan yang diperkatakan secara berasingan dalam Perkara lain Perjanjian ini, maka peruntukan Perkara itu tidak akan terjejas oleh peruntukan Perkara ini.

PERKARA 8

PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA

1. Keuntungan sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji daripada pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalu lintas antarabangsa hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu.
2. Peruntukan perenggan 1 hendaklah juga terpakai bagi keuntungan daripada penyertaan dalam suatu kumpulan, suatu perniagaan bersama atau suatu agensi pengendalian antarabangsa, tetapi setakat keuntungan yang diperoleh yang boleh dikaitkan dengan penyertaan itu dalam kadar syernya dalam operasi bersama tersebut.

PERKARA 9
PERUSAHAAN BERSEKUTU

1. Jika –

- (a) sesuatu perusahaan Negara Pejanji menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, kawalan atau modal sesuatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi, atau
- (b) orang yang sama menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, kawalan atau modal suatu perusahaan Negara Pejanji dan suatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi,

dan dalam mana-mana satu hal syarat-syarat dibuat atau dikenakan antara kedua-dua perusahaan dalam hubungan komersial atau kewangan mereka yang berlainan daripada apa yang akan dibuat antara perusahaan bebas, maka apa-apa keuntungan yang, jika tidak kerana syarat-syarat itu, telah terakru kepada salah satu perusahaan itu, tetapi, disebabkan oleh syarat-syarat itu, telah tidak terakru sedemikian, boleh dimasukkan oleh Negara Pejanji dalam keuntungan perusahaan itu dan dikenakan cukai dengan sewajarnya.

2. Jika suatu Negara Pejanji memasukkan dalam keuntungan suatu perusahaan Negara itu – dan mengenakan cukai sewajarnya – keuntungan yang ke atasnya perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi telah dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu dan keuntungan yang dimasukkan sedemikian adalah keuntungan yang boleh terakru kepada perusahaan Negara yang mula-mula disebut itu jika syarat yang dibuat antara kedua-dua perusahaan itu adalah apa yang akan dibuat antara perusahaan bebas, maka Negara yang satu lagi itu hendaklah membuat suatu penyelarasan yang sesuai kepada jumlah cukai yang dikenakan di dalamnya ke atas keuntungan tersebut, jika Negara yang satu lagi itu menganggap pelarasan itu wajar. Dalam menentukan penyelarasan sedemikian, perhatian yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada peruntukan lain Perjanjian ini dan pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji hendaklah jika perlu berunding antara satu sama lain.

PERKARA 10

DIVIDEN

1. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, dividen itu boleh juga dikenakan cukai di Negara Pejanji yang mana syarikat yang membayar dividen itu adalah pemastautin dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika pemunya benefisial dividen itu adalah pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, cukai yang dikenakan itu hendaklah tidak melebihi lima peratus (5%) daripada jumlah kasar dividen itu. Perenggan ini tidaklah menjelaskan pencukaian syarikat itu berkenaan dengan keuntungan yang daripadanya dividen itu dibayar.
3. Istilah "dividen" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertiya pendapatan daripada syer atau hak yang lain, yang bukannya tuntutan hutang, penyertaan dalam keuntungan, dan juga pendapatan daripada hak korporat yang lain yang tertakluk kepada layanan pencukaian yang sama sebagaimana pendapatan daripada syer melalui undang-undang Negara yang baginya syarikat yang membuat pengagihan itu adalah pemastautin.
4. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial dividen itu, yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi yang baginya syarikat yang membayar dividen itu adalah pemastautin, melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, atau menjalankan di Negara yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian bebas dari suatu pusat kegiatan tetap yang terletak di dalamnya, dan pegangan yang berkenaan dengannya dividen itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu. Dalam hal yang sedemikian peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.
5. Jika sesuatu syarikat yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji memperoleh keuntungan atau pendapatan daripada Negara Pejanji yang satu lagi, maka Negara yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan apa-apa cukai ke atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu, kecuali setakat yang dividen itu dibayar kepada pemastautin Negara yang satu lagi itu atau setakat yang pegangan yang berkenaan dengannya dividen itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap atau pusat kegiatan tetap yang terletak di Negara yang satu lagi itu, atau tidak boleh menjadikan keuntungan tidak diagihkan syarikat itu tertakluk kepada cukai atas keuntungan syarikat yang tidak diagihkan, walaupun dividen yang dibayar atau keuntungan tidak diagihkan itu terdiri daripada keseluruhannya atau sebahagiannya keuntungan atau pendapatan yang terbit di Negara yang satu lagi itu.

6. Manfaat bagi Perkara ini tidaklah terpakai jika maksud utama atau salah satu maksud utama mana-mana orang yang terlibat dengan penghasilan atau pengagihan syer atau hak lain yang berkaitan dengan dividen itu dibayar adalah bagi mengambil kesempatan atas Perkara ini melalui penghasilan atau pengagihan itu.

PERKARA 11

FAEDAH

1. Faedah yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, faedah itu boleh juga dikenakan cukai di Negara Pejanji yang dalamnya ia terbit dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika pemunya benefisial faedah itu adalah pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, cukai yang dikenakan sedemikian hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada jumlah kasar faedah itu.
3. Walau apa pun peruntukan perenggan 2:
 - (a) faedah yang terbit di Negara Pejanji hendaklah dikecualikan di negara itu jika faedah itu dibayar berkenaan dengan apa-apa pinjaman atau kredit yang dibuat oleh pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi kepada Kerajaan Negara yang mula-mula disebut itu atau subbahagian politiknya atau pihak berkuasa tempatannya atau badan berkanunnya;
 - (b) faedah yang terbit di Poland hendaklah dikecualikan daripada cukai di Poland jika ia dibayar kepada:
 - (i) Kerajaan Malaysia;
 - (ii) Kerajaan Negeri;
 - (iii) pihak berkuasa tempatan;
 - (iv) badan-badan berkanun;
 - (v) Bank Negara Malaysia (Bank Pusat Malaysia); dan
 - (vi) Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank).
 - (c) faedah yang terbit di Malaysia hendaklah dikecualikan daripada cukai di Malaysia jika ia dibayar kepada:
 - (i) Kerajaan Poland;
 - (ii) mana-mana subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan Poland;
 - (iii) badan-badan berkanun;
 - (iv) Bank Negara Poland; dan

- (v) Bank Gospodarstwa Krajowego di Poland (Bank Ekonomi Negara Poland).
4. Istilah "faedah" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada tiap-tiap jenis tuntutan hutang, sama ada atau tidak dicagarkan melalui gadaijanji dan sama ada atau tidak mempunyai hak untuk menyertai dalam keuntungan penghutang, dan khususnya, pendapatan daripada sekuriti kerajaan dan pendapatan daripada bon atau debentur, termasuk premium dan hadiah yang disertakan dengan sekuriti, bon atau debentur itu. Caj penalti bagi pembayaran lewat tidak boleh dianggap sebagai faedah bagi maksud Perkara ini. Istilah itu tidaklah termasuk apa-apa perkara yang dianggap sebagai dividen di bawah peruntukan Perkara 10.
 5. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial faedah itu, yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi yang dalamnya faedah itu terbit, melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, atau menjalankan di Negara yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian bebas dari suatu pusat kegiatan tetap yang terletak di dalamnya, dan tuntutan hutang yang berkenaan dengannya faedah itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu. Dalam hal yang sedemikian peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.
 6. Faedah hendaklah disifatkan terbit di suatu Negara Pejanji apabila pembayarannya adalah seorang pemastautin Negara itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar faedah itu, sama ada dia adalah pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu establismen tetap atau pusat kegiatan tetap yang berkaitan dengan keberhutangan yang ke atasnya faedah itu dibayar telah ditanggung, dan faedah itu ditanggung oleh establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu, maka faedah itu hendaklah disifatkan terbit di Negara yang dalamnya establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu terletak.
 7. Jika, disebabkan oleh suatu hubungan istimewa antara pembayar dengan pemunya benefisial atau antara kedua-dua mereka dengan mana-mana orang lain, jumlah faedah itu, dengan mengambil kira tuntutan hutang yang baginya ia dibayar, melebihi jumlah yang mungkin telah dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tiada hubungan yang sedemikian, peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi jumlah faedah yang terakhir yang disebut itu. Dalam hal yang sedemikian, bahagian selebihnya bayaran itu hendaklah tetap dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, setelah mengambil kira dengan sewajarnya peruntukan lain Perjanjian ini.
 8. Manfaat bagi Perkara ini tidaklah terpakai jika maksud utama atau salah satu maksud utama mana-mana orang yang terlibat dengan penghasilan atau pengagihan tuntutan hutang yang berkaitan dengan faedah itu

dibayar adalah bagi mengambil kesempatan atas Perkara ini melalui penghasilan atau pengagihan itu.

PERKARA 12

ROYALTI

1. Royalti yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, royalti itu boleh juga dikenakan cukai di Negara Pejanji yang dalamnya ia terbit dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika pemunya benefisial royalti itu adalah pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, cukai yang dikenakan sedemikian hendaklah tidak melebihi lapan peratus (8%) daripada jumlah kasar royalti itu.
3. Istilah "royalti" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertiya apa-apa jenis bayaran yang diterima sebagai balasan bagi penggunaan, atau hak untuk menggunakan, apa-apa hak cipta termasuk hak karya kesusasteraan, kesenian atau saintifik (termasuk filem sinematograf, dan filem atau pita bagi penyiaran radio atau televisyen) apa-apa paten, cap dagangan, reka bentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, atau bagi penggunaan, atau hak untuk menggunakan apa-apa kelengkapan atau pengetahuan perindustrian, komersial atau saintifik.
4. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidak terpakai jika pemunya benefisial royalti itu, yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi yang dalamnya royalti itu terbit, melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, atau menjalankan di Negara yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian bebas dari suatu pusat kegiatan tetap yang terletak di dalamnya, dan hak atau harta berkenaan dengan royalti itu dibayar adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.
5. Royalti hendaklah disifatkan terbit di suatu Negara Pejanji apabila pembayarnya adalah seorang pemastautin Negara itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar royalti itu, sama ada dia adalah pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu establismen tetap atau pusat kegiatan tetap yang berkaitan dengan kewajipan untuk membayar royalti itu telah ditanggung, dan royalti itu ditanggung oleh establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu, maka royalti itu hendaklah disifatkan terbit di Negara yang dalamnya establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu terletak.
6. Jika, oleh sebabsuatu hubungan istimewa antara pembayar dengan pemunya benefisial atau antara kedua-dua mereka dengan mana-mana orang lain, jumlah royalti itu, dengan mengambil kira penggunaan, hak atau maklumat yang baginya ia dibayar, melebihi jumlah yang akan dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada

hubungan yang sedemikian, peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi jumlah yang terakhir disebut itu. Dalam hal yang sedemikian, bahagian selebihnya bayaran itu hendaklah tetap dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, setelah mengambil kira dengan sewajarnya peruntukan lain Perjanjian ini.

7. Manfaat bagi Perkara ini tidaklah terpakai jika maksud utama atau salah satu maksud utama mana-mana orang yang terlibat dengan penghasilan atau pengagihan hak yang berkaitan dengan royalti itu dibayar adalah bagi mengambil kesempatan atas Perkara ini melalui penghasilan atau pengagihan itu.

PERKARA 13

FI BAGI PERKHIDMATAN TEKNIKAL

1. Fi bagi perkhidmatan teknikal yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, fi bagi perkhidmatan teknikal itu, boleh juga dicukai di Negara Pejanji yang dalamnya ia terbit dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika pemunya benefisial fi bagi perkhidmatan teknikal itu adalah pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh melebihi lapan peratus (8%) jumlah kasar fi bagi perkhidmatan teknikal itu.
3. Istilah "fi bagi perkhidmatan teknikal" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertiya apa-apa jenis bayaran kepada mana-mana orang, selain daripada kepada pekerja orang yang membuat pembayaran itu, sebagai balasan bagi apa-apa perkhidmatan yang bersifat teknikal, pengurusan atau khidmat runding.
4. Peruntukan perenggan 1 dan 2 Perkara ini tidaklah terpakai jika pemunya benefisial fi bagi perkhidmatan teknikal itu, yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi yang dalamnya fi bagi perkhidmatan teknikal itu terbit, melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, atau menjalankan di Negara yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian bebas dari pusat kegiatan tetap yang terletak di dalamnya, dan fi bagi perkhidmatan teknikal itu adalah sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu. Dalam hal yang sedemikian peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.
5. Fi bagi perkhidmatan teknikal hendaklah disifatkan terbit di suatu Negara Pejanji apabila pembayarnya adalah seorang pemastautin Negara itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar fi bagi perkhidmatan teknikal itu, sama ada dia adalah pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu establismen tetap atau pusat kegiatan tetap yang berkaitan dengan kewajipan untuk membayar fi bagi perkhidmatan teknikal itu telah ditanggung, dan fi bagi perkhidmatan teknikal itu ditanggung oleh establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu, maka fi bagi perkhidmatan teknikal itu hendaklah disifatkan terbit di Negara Pejanji yang dalamnya establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu terletak.
6. Jika, oleh sebab suatu hubungan istimewa antara pembayar dengan pemunya benefisial atau antara kedua-dua mereka dengan mana-mana orang lain, jumlah fi bagi perkhidmatan teknikal itu dibayar melebihi, atas apa-apa juga alasan, jumlah yang dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada hubungan yang sedemikian,

peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai bagi jumlah yang terakhir disebut itu. Dalam hal yang sedemikian, bahagian selebihnya bayaran itu hendaklah tetapboleh dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, setelah mengambil kira dengan sewajarnya peruntukan lain Perjanjian ini.

7. Manfaat bagi Perkara ini tidaklah terpakai jika maksud utama atau salah satu maksud utama mana-mana orang yang terlibat dengan penghasilan atau pengagihan perkhidmatan itu yang berkaitan dengan fi bagi perkhidmatan teknikal itu dibayar adalah bagi mengambil kesempatan atas Perkara ini melalui penghasilan atau pengagihan itu.

PERKARA 14

LABA MODAL

1. Laba yang diperolehi oleh seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji daripada pemberian hak milik harta tak alih yang disebut dalam Perkara 6 dan terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Laba daripada pemberian hak milik harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan suatu establismen tetap yang dipunyai oleh perusahaan suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi atau harta alih yang berkaitan dengan suatu pusat kegiatan tetap yang tersedia untuk pemastautin suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud menjalankan perkhidmatan persendirian bebas, termasuklah apa-apa laba daripada pemberian hak milik establismen tetap itu (secara tunggal atau berserta keseluruhan perusahaan itu) atau daripada pusat kegiatan tetap itu, boleh dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu.
3. Laba yang diperolehi oleh sesuatu perusahaan suatu Negara Pejanji daripada pemberian hak milik kapal atau pesawat udara yang dikendalikan dalam lalu lintas antarabangsa, atau harta alih yang berkaitan dengan pengendalian kapal atau pesawat udara itu hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu.
4. Laba yang diperoleh oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji daripada pemberian hak milik syer yang memperoleh lebih daripada 50 peratus nilainya secara langsung atau tidak langsung daripada harta tak alih yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.
5. Laba daripada pemberian hak milik mana-mana harta selain daripada yang disebut dalam perenggan 1- 4 hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji yang mana pemberi hak milik itu adalah seorang pemastautin.

PERKARA 15

PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN BEBAS

1. Tertakluk kepada peruntukan Perkara 13, pendapatan yang diperolehi oleh seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan perkhidmatan profesional atau aktiviti lain yang bersifat bebas hendaklah dikenakan cukai di Negara itu melainkan jika dia mempunyai suatu pusat kegiatan tetap yang biasanya tersedia untuknya di Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud menjalankan aktivitinya. Jika dia mempunyai suatu pusat kegiatan tetap itu, pendapatan itu boleh dikenakan cukai di Negara yang satu lagi tetapi hanya sekian banyak daripada pendapatannya itu yang boleh dikaitkan dengan pusat kegiatan tetap itu.
2. Istilah "perkhidmatan profesional" termasuklah khususnya aktiviti saintifik, kesusateraan, kesenian, pendidikan atau pengajaran yang bebas dan juga aktiviti bebas ahli perubatan, peguam, jurutera, arkitek, doktor pergigian dan akauntan.

PERKARA 16

PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN TIDAK BEBAS

1. Tertakluk kepada peruntukan Perkara 17, 19 dan 20, gaji, upah dan saraan seumpamanya yang lain yang diperolehi oleh seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan suatu pekerjaan hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu melainkan jika pekerjaan itu dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi. Jika pekerjaan itu dijalankan sedemikian, saraan sebagaimana yang diperoleh daripada pekerjaan itu boleh dicukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Walau apa pun peruntukan perenggan 1, saraan yang diperolehi oleh seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan suatu pekerjaan yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara yang mula-mula disebut itu jika:
 - (a) penerima itu berada di Negara yang satu lagi bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang pada agregatnya tidak melebihi 183 hari dalam mana-mana tempoh dua belas bulan yang bermula atau berakhir dalam tahun fiskal yang berkenaan; dan
 - (b) saraan itu dibayar oleh, atau bagi pihak, suatu majikan yang bukannya pemastautin Negara yang satu lagi itu; dan
 - (c) saraan itu tidak ditanggung oleh suatu establismen tetap atau pusat kegiatan tetap yang dippunyai oleh majikan itu di Negara yang satu lagi itu.
3. Walau apa pun peruntukan yang terdahulu Perkara ini, saraan yang diperoleh berkenaan dengan sesuatu pekerjaan yang dijalankan:
 - (a) oleh pemastautin suatu Negara Pejanji di atas kapal yang dikendalikan dalam lalu lintas antarabangsa hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu;
 - (b) di atas pesawat udara yang dikendalikan dalam lalu lintas antarabangsa oleh perusahaan suatu Negara Pejanji boleh dikenakan cukai di Negara itu.

PERKARA 17

FI PENGARAH

1. Fi dan pembayaran seumpamanya yang lain yang diperolehi oleh seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji dalam kapasitinya sebagai seorang anggota lembaga pengarah, lembaga penyeliaan, atau apa-apa badan dalam suatu syarikat yang seumpamanya yang merupakan pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu.

PERKARA 18
SENIMAN DAN AHLI SUKAN

1. Walau apa pun peruntukan Perkara 15 dan 16 pendapatan yang diperolehi oleh seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai seorang penghibur, seperti seniman teater, wayang gambar, radio atau televisyen, atau pemuzik, atau sebagai seorang ahli sukan, daripada aktiviti persendirianya yang dijalankan sedemikian di Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Jika pendapatan berkenaan dengan aktiviti persendirian yang dijalankan oleh seseorang penghibur atau ahli sukan dalam kapasitinya yang sedemikian terakru bukan kepada penghibur atau ahli sukan itu sendiri tetapi kepada orang lain, pendapatan itu boleh, walau apa pun peruntukan Perkara 7, 15 dan 16, dikenakan cukai di Negara Pejanji yang dalamnya aktiviti penghibur atau ahli sukan itu dijalankan.
3. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah terpakai bagi saraan atau keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti yang dijalankan di suatu Negara Pejanji jika lawatan ke Negara itu adalah secara keseluruhannya atau sebahagian besarnya ditanggung oleh dana awam Negara Pejanji yang satu lagi itu, suatu subbahagian politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau suatu badan berkanunnya. Dalam hal yang sedemikian, saraan atau keuntungan itu hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji yang dalamnya seniman atau ahli sukan itu merupakan pemastautin.

PERKARA 19

PENCEN

Tertakluk kepada peruntukan perenggan 2 Perkara 20, pencen dan saraan seumpamanya yang lain yang dibayar kepada pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai balasan bagi pekerjaan lampau hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu.

PERKARA 20
PERKHIDMATAN KERAJAAN

1. (a) Gaji, upah dan saraan seumpamanya yang lain, yang dibayar oleh suatu Negara Pejanji atau suatu subbahagian politik atau suatu pihak berkuasa tempatan atau suatu badan berkanunnya kepada seseorang individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara itu atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu.
(b) Walau bagaimanapun, gaji, upah dan saraan seumpamanya yang lain itu hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji yang satu lagi jika perkhidmatan itu diberikan di Negara yang satu lagi itu dan individu itu adalah pemastautin Negara yang satu lagi itu yang:
 - (i) merupakan rakyat Negara yang satu lagi itu, atau
 - (ii) tidak menjadi pemastautin Negara yang satu lagi itu semata-mata bagi maksud memberikan perkhidmatan.
2. (a) Walau apa pun peruntukan perenggan 1, apa-apa pencen dan saraan seumpamanya yang lain yang dibayar oleh, atau daripada kumpulan wang yang diwujudkan oleh, suatu Negara Pejanji atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya kepada seseorang individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara itu atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu.
(b) Walau bagaimanapun, pencen dan saraan seumpamanya yang lain itu hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji yang satu lagi jika individu itu adalah pemastautin dan rakyat Negara yang satu lagi itu.
3. Peruntukan Perenggan 15, 16, 17, 18 dan 19 hendaklah terpakai bagi gaji, upah, pencen, dan saraan seumpamanya yang lain berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan apa-apa perniagaan yang dijalankan oleh suatu Negara Pejanji atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

PERKARA 21

PELAJAR DAN PELATIH

Pembayaran yang mana seorang pelajar, murid atau pelatih yang sebaik sebelum melawat suatu Negara Pejanji adalah pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi dan berada di Negara yang mula-mula disebutkan semata-mata bagi maksud pengajian atau latihannya menerima bagi maksud penyenggaraan, pengajian atau latihannya tidaklah dikenakan cukai di Negara yang mula-mula disebutkan itu, dengan syarat pembayaran itu terbit daripada sumber di luar Negara itu.

PERKARA 22

PENDAPATAN LAIN

1. Butiran pendapatan seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji, di mana juga diperoleh, yang tidak diperkatakan dalam Perkara terdahulu Perjanjian ini hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu.
2. Peruntukan perenggan 1 tidaklah terpakai bagi pendapatan, selain pendapatan daripada harta tak alih sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 2 Perkara 6, jika penerima pendapatan itu, yang merupakan pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, atau menjalankan di Negara yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian bebas daripada suatu pusat kegiatan tetap yang terletak di dalamnya, dan hak atau harta yang berkenaan dengannya pendapatan itu dibayar sebenarnya berkaitan dengan establismen tetap atau pusat kegiatan tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan Perkara 7 atau Perkara 15, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terpakai.
3. Walau apa pun peruntukan perenggan 1 dan 2, butiran pendapatan seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji yang tidak diperkatakan dalam Perkara terdahulu Perjanjian ini dan diperoleh daripada Negara Pejanji yang satu lagi boleh juga dicukai di Negara yang satu lagi itu.

PERKARA 23

PENGHAPUSAN CUKAI DUA KALI

1. Di Malaysia, cukai dua kali hendaklah dihapuskan seperti yang berikut:

Tertakluk kepada undang-undang Malaysia berkenaan dengan kebenaran sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia bagi cukai yang kena dibayar di mana-mana Negara selain Malaysia, cukai Poland yang kena dibayar di bawah undang-undang Poland dan mengikut Perjanjian ini oleh pemastautin Malaysia berkenaan dengan pendapatan atau laba modal yang diperoleh dari Poland hendaklah dibenarkan sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan atau laba modal itu. Kredit itu tidaklah boleh, walau bagaimanapun, melebihi bahagian cukai Malaysia, sebagaimana pengiraan sebelum kredit itu diberikan, yang bersesuaian dengan butiran pendapatan atau laba modal itu.

2. Di Poland, cukai dua kali hendaklah dihapuskan seperti yang berikut:

(a) Jika seseorang pemastautin Poland memperoleh pendapatan atau laba modal yang, mengikut peruntukan Perjanjian ini boleh dikenakan cukai di Malaysia, Poland hendaklah membenarkan sebagai suatu potongan daripada cukai ke atas pendapatan atau laba modal pemastautin itu suatu jumlah bersamaan cukai yang telah dibayar di Malaysia. Potongan itu tidaklah boleh, walau bagaimanapun, melebihi bahagian cukai itu, sebagaimana pengiraan sebelum potongan itu diberikan, yang boleh dikaitkan kepada pendapatan atau laba modal itu yang diperolehi dari Malaysia.

(b) Jika mengikut mana-mana peruntukan Perjanjian ini, pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin Poland dikecualikan daripada cukai di Poland, Poland masih boleh, dalam mengira jumlah cukai ke atas baki pendapatan pemastautin itu, mengambil kira pendapatan yang telah dikecualikan itu.

PERKARA 24

TIADA DISKRIMINASI

1. Rakyat suatu Negara Pejanji tidak tertakluk kepada Negara Pejanji yang satu lagi bagi apa-apa pencukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya, yang lain atau lebih membebankan daripada pencukaian dan kehendak yang berkaitan dengan rakyat Negara yang satu lagi itu dalam hal keadaan yang sama, khususnya berkenaan dengan pemastautinan, adalah atau boleh dijadikan tertakluk.
2. Pencukaian ke atas establismen tetap yang dipunyai oleh suatu perusahaan suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi tidak boleh dilevikan secara kurang baik di Negara yang satu lagi itu daripada pencukaian yang dilevikan ke atas perusahaan Negara yang satu lagi itu yang menjalankan aktiviti yang sama. Peruntukan ini tidaklah boleh ditafsirkan sebagai mewajibkan suatu Negara Pejanji untuk memberi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi apa-apa elaun diri, relif dan pengurangan bagi maksud pencukaian berdasarkan status sivil atau tanggungjawab keluarga yang diberikan oleh Negara itu kepada pemastautinnya sendiri.
3. Kecuali jika peruntukan perenggan 1 Perkara 9, perenggan 6 Perkara 11, perenggan 6 Perkara 12 atau perenggan 6 Perkara 13 terpakai, faedah, royalti, fi bagi perkhidmatan teknikal dan pembayaran lain yang dibayar oleh suatu perusahaan Negara Pejanji kepada seseorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah, bagi maksud menentukan keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi perusahaan itu, boleh ditolak di bawah keadaan yang sama seolah-olah pembayaran itu telah dibayar kepada pemastautin Negara yang mula-mula disebut itu.
4. Perusahaan suatu Negara Pejanji , yang modalnya dipunyai atau dikawal sepenuhnya atau sebahagiannya, secara langsung atau tidak langsung, oleh seorang atau lebih pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, tidak boleh tertakluk di Negara yang mula-mula disebut itu kepada apa-apa pencukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang lain atau lebih membebankan daripada pencukaian dan kehendak yang berkaitan yang kepadanya perusahaan seumpamanya yang lain bagi Negara yang mula-mula disebut itu adalah atau boleh tertakluk.

PERKARA 25
TATACARA PERJANJIAN BERSAMA

1. Jika seseorang pemastautin suatu Negara Pejanji menganggap bahawa tindakan satu atau kedua-dua Negara Pejanji mengakibatkan atau akan mengakibatkan kepadanya pencukaian yang tidak mengikut peruntukan Perjanjian ini, dia boleh, tanpa mengira remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang domestik Negara itu, mengemukakan kesnya kepada pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji yang dia merupakan seseorang pemastautin atau, jika kesnya termasuk di bawah perenggan 1 Perkara 24, kepada Negara Pejanji yang dia merupakan rakyatnya. Kes itu mestilah dikemukakan dalam tempoh tiga tahun daripada pemberitahuan pertama tentang tindakan yang mengakibatkan pencukaian yang tidak mengikut peruntukan Perjanjian ini.
2. Pihak berkuasa berwibawa hendaklah berusaha, jika didapati bahawa bantahan itu wajar dan jika ia dengan sendirinya tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang memuaskan, untuk menyelesaikan kes itu melalui persetujuan bersama dengan pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji yang satu lagi, dengan tujuan untuk mengelakkan pencukaian yang tidak mengikut Perjanjian ini. Apa-apa Perjanjian yang dicapai hendaklah dilaksanakan walau apa pun apa-apa had masa dalam undang-undang domestik Negara Pejanji itu.
3. Pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji hendaklah berusaha untuk menyelesaikan melalui persetujuan bersama apa-apa kesulitan atau keraguan yang berbangkit tentang pentafsiran atau pemakaian Perjanjian ini. Mereka juga boleh berunding bersama bagi menghapuskan pencukaian dua kali dalam hal yang tidak diperuntukkan dalam Perjanjian ini.
4. Pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji boleh berhubung antara satu sama lain bagi tujuan mencapai suatu persetujuan bagi maksud perenggan yang terdahulu.

PERKARA 26
PERTUKARAN MAKLUMAT

1. Pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji hendaklah bertukar apa-apa maklumat yang dijangkakan berkaitan bagi menjalankan peruntukan Perjanjian ini atau bagi pentadbiran atau penguatkuasaan undang-undang domestik berkenaan dengan cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini, setakat mana pencukaian di bawahnya tidak bertentangan dengan Perjanjian. Pertukaran maklumat ini tidak disekat oleh Perkara 1.
2. Apa-apa maklumat yang diterima di bawah perenggan 1 oleh suatu Negara Pejanji hendaklah dianggap sebagai rahsia mengikut cara yang sama sebagaimana maklumat yang didapati di bawah undang-undang domestik Negara itu dan hendaklah dizahirkan hanya kepada orang atau pihak berkuasa (termasuk mahkamah dan badan pentadbiran) yang terlibat dengan penaksiran atau pemungutan, penguatkuasaan atau pendakwaan berkenaan dengan, pemutusan rayuan berhubung dengan cukai yang disebut dalam perenggan 1, atau pengawasan tentang di atas. Orang atau pihak berkuasa itu hendaklah menggunakan maklumat itu hanya bagi maksud sedemikian. Mereka boleh menzahirkan maklumat itu dalam prosiding mahkamah awam atau dalam keputusan kehakiman.
3. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidak sekali-kali dalam apa jua hal boleh ditafsirkan sebagai mengenakan kewajiban ke atas suatu Negara Pejanji:
 - a) untuk menjalankan langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang dan amalan pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;
 - b) untuk membekalkan maklumat yang tidak boleh didapati di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;
 - c) untuk membekalkan maklumat yang akan menzahirkan apa-apa rahsia perdagangan, perniagaan, perindustrian, komersial atau profesional atau proses perdagangan, atau maklumat yang penzahirannya akan bertentangan dengan dasar awam (*ordre public*).
4. Jika maklumat yang diminta oleh Negara Pejanji mengikut Perkara ini, Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah menggunakan langkah-langkah pengumpulan maklumatnya untuk mendapatkan maklumat yang diminta, walaupun Negara yang satu lagi itu tidak memerlukan maklumat itu bagi maksud cukainya sendiri. Kewajipan yang terkandung dalam ayat terdahulu adalah tertakluk kepada pengehadan perenggan 3 tetapi pengehadan itu tidak sekali-kali boleh ditafsirkan sebagai membenarkan suatu Negara Pejanji untuk enggan membekalkan maklumat semata-mata kerana ia tiada kepentingan domestik ke atas maklumat itu.
5. Peruntukan perenggan 3 tidak sekali-kali dalam apa jua hal boleh

ditafsirkan sebagai membenarkan suatu Negara Pejanji untuk enggan membekalkan maklumat semata-mata kerana maklumat itu dipegang oleh bank, institusi kewangan lain, penama atau seseorang yang bertindak atas kapasiti agensi atau fidusiari atau kerana maklumat itu berkaitan dengan kepentingan pemunyaan seseorang.

PERKARA 27

ANGGOTA MISI DIPLOMATIK DAN JAWATAN KONSULAR

Tiada apa-apa jua dalam Perjanjian ini boleh menyentuh keistimewaan fiskal anggota misi diplomatik atau jawatan konsular di bawah kaedah-kaedah am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan perjanjian khas.

PERKARA 28

PERMULAAN KUAT KUASA

1. Negara Pejanji hendaklah memberitahu satu sama lain, secara pertukaran nota melalui saluran diplomatik bahawa tatacara yang dikehendaki oleh undang-undang bagi menguatkuasakan Perjanjian ini telah selesai. Perjanjian ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh pemberitahuan yang terkemudian dan hendaklah berkuat kuasa:
 - (a) di Malaysia, berkenaan dengan cukai Malaysia, bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalender yang mengikuti tahun yang dalamnya Perjanjian ini mula berkuat kuasa;
 - (b) di Poland:
 - i) berkenaan dengan cukai yang ditahan pada sumber, atas pendapatan yang diperolehi pada atau selepas 1 Januari dalam tahun kalendar yang mengikuti tahun yang dalamnya Perjanjian ini mula berkuat kuasa;
 - ii) berkenaan dengan cukai yang lain, atas pendapatan yang diperoleh dalam mana-mana tahun cukai bermula pada atau selepas 1 Januari dalam tahun kalendar yang mengikuti tahun yang dalamnya Perjanjian ini mula berkuat kuasa.
2. Walau apa pun peruntukan Perkara ini, peruntukan Perkara 25 dan 26 (Tatacara Perjanjian Bersama dan Pertukaran Maklumat) hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh Perjanjian ini berkuat kuasa, tanpa mengambil kira tempoh cukai dikenakan yang mana perkara itu berkaitan.
3. Perjanjian antara Kerajaan Republik Rakyat Poland dengan Kerajaan Malaysia bagi pengelakan pencukaian dua kali dan pencegahan pelarian fiskal berkenaan dengan cukai atas pendapatan yang ditandatangani di Warsaw pada 16 September 1977 hendaklah ditamatkan dan terhenti dari berkuat kuasa berkenaan dengan cukai yang kepadanya Perjanjian ini terpakai mengikut peruntukan perenggan 1 dan 2.

PERKARA 29

PENAMATAN

Perjanjian ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh masa yang tidak terbatas, tetapi salah satu Negara Pejanji boleh menamatkan Perjanjian ini, melalui saluran diplomatik, dengan memberikan kepada Negara Pejanji yang satu lagi notis penamatan secara bertulis pada atau sebelum 30 Jun dalam mana-mana tahun kalendar selepas tempoh lima (5) tahun dari tarikh Perjanjian ini mula berkuat kuasa. Dalam keadaan sedemikian Perjanjian ini hendaklah terhenti berkuat kuasa:

- (a) di Malaysia, berkenaan dengan cukai Malaysia, bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun taksiran yang bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar yang mengikuti tahun yang dalamnya notis itu diberikan;
- (b) di Poland:
 - i) berkenaan dengan cukai yang ditahan pada sumber, atas pendapatan yang diperolehi pada atau selepas 1 Januari dalam tahun kalendar yang mengikuti tahun yang dalamnya notis diberikan;
 - ii) berkenaan dengan cukai yang lain, atas pendapatan yang diperolehi dalam mana-mana tahun cukai bermula pada atau selepas 1 Januari dalam tahun kalendar yang mengikuti tahun yang dalamnya notis diberikan.

PADA MENYAKSIKAN hal yang tersebut di atas, yang bertandatangan di bawah ini, yang telah diberi kuasa dengan sewajarnya, oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Perjanjian ini.

DIBUAT dalam dua salinan di *Kuala Lumpur* pada *8* haribulan *July*....2013, dalam bahasa Poland, Melayu dan Inggeris, ketiga-tiga teks adalah sama sahih. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian dalam pentafsiran dan pemakaian Perjanjian ini, teks bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

BAGI KERAJAAN
REPUBLIK
POLAND

BAGI KERAJAAN
MALAYSIA

**PROTOKOL
KEPADА PERJANJIAN
ANTARA
KERAJAAN REPUBLIK POLAND
DENGAN
KERAJAAN MALAYSIA**

**BAGI PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI DAN
PENCEGAHAN PELARIAN FISKAL
MENGENAI CUKAI ATAS PENDAPATAN**

Pada menandatangani Perjanjian antara Kerajaan Republik Poland dengan Kerajaan Malaysia bagi Pengelakan Pencukaian Dua Kali dan Pencegahan Pelarian Fiskal mengenai Cukai atas Pendapatan (kemudian daripada ini disebut "Perjanjian"), yang bertandatangan di bawah ini telah bersetuju dengan peruntukan yang berikut yang hendaklah menjadi suatu bahagian penting Perjanjian:

1. Dengan rujukan kepada Perkara 1

- i. Orang yang layak kepada manfaat cukai mengikut Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (seperti dipinda) atau mengikut mana-mana undang-undang yang sebahagian besarnya serupa yang digubal kemudiannya, adalah tidak layak untuk mendapat manfaat daripada Perjanjian ini.
- ii. Walau bagaimanapun, peruntukan subperenggan (a) tidak menghalang pemakaian Perkara 26 Perjanjian ini berkenaan dengan orang itu.
- iii. Peruntukan subperenggan (a) tidaklah terpakai kepada syarikat Labuan yang telah membuat pilihan muktamad untuk dikenakan cukai mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967 (seperti dipinda).

2. Dengan rujukan kepada perenggan 1 Perkara 4

Maka difahami bahawa ayat kedua perenggan ini bukan untuk mengenepikan pemastautin Malaysia jika prinsip wilayah berkaitan pencukaian pemastautinnya terpakai.

3. Dengan rujukan kepada Perkara 4, 11 dan 19

Istilah "badan berkanun" ertinya badan yang ditubuhkan oleh statut suatu Negara Pejanji atau subbahagian politiknya dan menjalankan fungsi yang akan sebaliknya dijalankan oleh Negara Pejanji itu atau subbahagian politiknya.

Pihak berkuasa berwibawa suatu Negara Pejanji hendaklah berdasarkan permintaan, memberikan pengesahan kepada pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji yang satu lagi sama ada suatu entiti

tertentu adalah suatu badan berkanun Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan itu.

4. Dengan rujukan kepada Perkara 23

Pendapatan daripada dividen yang dibayar daripada keuntungan syarikat Malaysia yang telah dikecualikan daripada cukai Malaysia menurut insentif khas di bawah undang-undang Malaysia bagi penggalakan pembangunan ekonomi Malaysia yang berkuat kuasa pada tarikh Perjanjian ini ditandatanganai atau mana-mana peruntukan lain yang diperkenalkan kemudiannya di Malaysia bagi pengubahsuaian atau penambahan kepada undang-undang itu setakat mana ia dipersetujui oleh pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji sebagai sebahagian besar sifatnya serupa hendaklah dikecualikan daripada cukai Poland dengan syarat pemegang sahamnya:

- (a) adalah pemastautin Poland; dan
- (b) memegang sekurang-kurangnya 25 peratus modal syarikat yang membayar dividen itu pada tarikh dividen itu dibayar dan telah berbuat demikian atau akan berbuat demikian untuk tempoh 24-bulan berturut-turut yang mana tarikh itu jatuh;

Peruntukan ini hendaklah terhenti berkuat kuasa berkenaan dengan pendapatan yang diperoleh selepas 31 Disember 2020.

PADA MENYAKSIKAN hal yang tersebut di atas, yang bertandatangan di bawah ini, yang telah diberi kuasa sewajarnya, oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Perjanjian ini.

DIBUAT dalam dua salinan di Kuala Lumpur pada 8.... haribulan July....2013 dalam bahasa Poland, Melayu dan Inggeris, ketiga-tiga teks adalah sama sahih. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian dalam pentafsiran dan pemakaian Perjanjian ini, teks bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

BAGI KERAJAAN
REPUBLIK

POLAND

BAGI KERAJAAN
MALAYSIA